

SOALAN NO: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG

TARIKH : 24 OKTOBER 2017

SOALAN : 15

YB Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pesakit di sepanjang tahun 2016 & 2017 yang didaftar di hospital Kerajaan dan swasta mengikut negeri dan jenis penyakit. Berapakah jumlah dan peratusan pesakit-pesakit ini adalah orang asing.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2016, jumlah pesakit yang telah mendapatkan perkhidmatan di hospital Kerajaan adalah seramai 35.2juta orang dan seramai 1.37juta atau 3.89% adalah warga asing. Bagi tempoh Jan – Ogos 2017, jumlah pesakit yang telah mendapatkan perkhidmatan di hospital Kerajaan adalah seramai 24.59juta dan daripada jumlah tersebut 3.21% atau 790,655 adalah warga asing.

Pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan dan swasta meliputi dua kategori, iaitu pesakit yang masuk ke wad sebagai pesakit dalam dan kedatangan sebagai pesakit luar. Jumlah terkumpul bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan pada tahun 2015 dan 2016 di hospital Kerajaan dan swasta masing-masing ialah 30.41 juta dan 30.95 juta dengan pecahan seperti berikut:

- 1. Bagi hospital Kerajaan, bilangan pesakit dalam bagi tahun 2015 dan 2016 ialah masing-masing 2.68 juta dan 2.73 juta. Bagi pesakit luar pula, bilangan kedatangan pada tahun 2015 dan 2016 ialah masing-masing 22.73 juta dan 23.33 juta.
- 2. Bagi hospital swasta, bilangan pesakit dalam bagi tahun 2015 dan 2016 ialah masing-masing 1.06 juta dan 1.07 juta. Bagi pesakit luar pula, bilangan kedatangan pada tahun 2015 dan 2016 ialah masing-masing 3.93 juta dan 3.82 juta.

Bilangan terkumpul pesakit yang dirawat di hospital Kerajaan dan swasta mengikut negeri bagi tahun 2015 dan 2016 dianggarkan antara 260,000 pesakit hingga 5.1 juta pesakit. Bilangan pesakit paling rendah adalah negeri Perlis, manakala bilangan paling tinggi adalah negeri Selangor.

Merujuk kepada jenis penyakit pula, terdapat perbezaan antara jenis penyakit yang dirawat di hospital Kerajaan dan swasta seperti berikut:

- 1. Di hospital Kerajaan, jumlah kemasukan ke wad paling tinggi adalah bagi kes-kes kehamilan dan bersalin (23 peratus), diikuti

dengan penyakit berkaitan saluran pernafasan (12 peratus) dan penyakit yang disebabkan oleh jangkitan parasit (9 peratus).

2. Di hospital swasta pula, jumlah kemasukan ke wad paling tinggi adalah bagi penyakit berkaitan saluran pernafasan (16 peratus), diikuti dengan penyakit yang disebabkan oleh jangkitan parasit (15 peratus) dan kes-kes kehamilan dan bersalin (10 peratus).

Daripada jumlah keseluruhan kemasukan pesakit dalam dan kedatangan pesakit luar di hospital Kerajaan, jumlah pesakit bukan warganegara pada tahun 2015 dan 2016 dianggarkan masing-masing seramai 585,000 pesakit (2.3 peratus) dan 492,000 pesakit (1.9 peratus).